

Nama Kelas

012

Bahasa Melayu

Penulisan

Julai

1 $\frac{1}{4}$ jam

INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH

BIL 2 / 2014

BAHASA MELAYU

Penulisan

TAHUN 6


Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
3. *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2, atau Soalan 3.*
4. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*

Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A**(10 markah)****[Masa yang dicadangkan : 15 minit]****Gambar di bawah menunjukkan situasi di taman rekreasi.****Tuliskan lima ayat yang lengkap tentang aktiviti dalam gambar di bawah.**

Bahagian B**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 40 minit]**

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 batuk perkataan.

1. Sekolah kamu telah mengadakan satu kem motivasi untuk murid-murid tahun enam. Sebagai ketua murid, kamu diminta untuk menyediakan laporan tentang kem tersebut.

Tulis laporan kamu itu selengkapnya.

ATAU

2. Pada waktu rehat, kamu dan kawan kamu telah berbincang tentang kebaikan menyimpan wang.

Tulis dialog kamu itu selengkapnya.

ATAU

3. Aku sukar untuk meletakkan mata pada malam itu. Aku berasa sungguh...

Mulakan karangan kamu dengan "Aku berasa sungguh..." .

Bahagian C

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu mestilah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Pak Hamid seorang yang berharta tetapi dia amat dikenali kerana sikapnya yang sangat kedekut. Dia mempunyai seorang anak yang nakal bernama Amirul. Amirul belajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Indah. Sekolah ini pula terkenal dengan murid-muridnya yang cemerlang dalam pelajaran dan berbudi pekerti yang tinggi. Amirul sering mengganggu murid-murid lain di dalam kelasnya. Oleh sebab itu, dia tidak disukai oleh rakan-rakannya.

Selepas waktu persekolahan, Amirul sering merayau-rayau tanpa tujuan. Suatu hari, Amirul pergi ke sebuah pusat beli-belah. Dia sangat berminat pada sebatang pen tetapi tidak mempunyai wang yang cukup untuk membelynanya. Setelah mendapati tiada orang memerhatinya, dia memasukkan pen itu ke dalam poket seluarnya.

Sejurus tiba di pintu keluar pusat beli-belah itu, pengawal keselamatan menahannya. Amirul didakwa kerana cuba mencuri sebatang pen. Berita itu amat memalukan pihak sekolah dan keluarganya. Akhirnya, Amirul berasa kesal atas perbuatannya itu.